


**PEMASHHURAN
PEMASHHURAN PERLEMBAGAAN
(PINDAAN), 1963**

BISMILLA HIRRAHMA NIRRAHIM

Al-hamdullillahi Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain.



SIR OMAR ALI SAIFUDDIN
Sultan.

DENGAN KURNIA TUHAN, BETA, OMAR ALI SAIFUDDIN SA'ADUL KHAIRI WADDIN IBNI ALMARHUM MOHAMED JAMAL-UL ALAM, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei serta sekalian Jajahan Ta'alok Rantau dan Pesisirnya, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT YANG AMAT DI-HORMATI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PAHLAWAN NEGARA BRUNEI YANG AMAT PERKASA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH STIA NEGARA BRUNEI YANG AMAT BAHGIA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA, DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA, DARJAH KERABAT YANG UTAMA (KELANTAN), DARJAH KERABAT YANG UTAMA (JOHORE), DARJAH KERABAT YANG UTAMA (SELANGOR), HONORARY KNIGHT COMMANDER OF THE MOST DISTINGUISHED ORDER OF SAINT MICHAEL AND SAINT GEORGE.

BAHAWASA-NYA pada 26 haribulan Rabiul Awal, Hijrah Nabi Mohammad ﷺ (Sallah-hu Alaihi Wassalam), Sa-ribu tiga ratus tujuh puluh sembilan, bersamaan dengan hitungan Maschi 29 haribulan September, Sa-ribu sembilan ratus lima puluh sembilan, BETA telah MEMASHHURKAN Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 :

DAN BAHAWASA-NYA ada-lah telah diujudkan di-bawah bab 85 dari Perlembagaan yang tersebut ia-itu sebarang sharat2 Perlembagaan itu boleh-lah di-pinda oleh BETA mengikut yang ada di-situ :

DAN BAHAWASA-NYA BETA berpendapat ada-lah mustahak bahawa sebahagian daripada sharat2 Perlembagaan itu hendak-lah di-pinda dalam beberapa perkara :

DAN BAHAWASA-NYA BETA telah berunding dengan Majlis Mashuarat Di-Raja BETA berkenaan dengan menjalankan kuasa2 BETA di-

bawah bab 85 yang tersebut dan Majlis Mashuarat Di-Raja BETA telah menasihatkan dengan sesuai-nya :

DAN BAHAWASA-NYA ada-lah pada 2 hari-bulan May, 1963, rang Pemashhuran ini telah pun di-luluskan oleh Majlis Mashuarat yang telah di-tubohkan oleh Perentah yang di-perbuat pada 19 haribulan December, 1962, di-dalam menjalankan kuasa2 yang telah di-beri oleh cheraian (3) bab 83 dari Perlembagaan.

DARI ITU, SEKARANG, BETA dalam menjalankan kuasa2 yang di-beri kapada BETA oleh cheraian (1) bab 85 dari Perlembagaan ada-lah DENGAN INI MEMASHURKAN dengan nama BETA dan bagi pehak BETA dan juga bagi dan bagi pehak PENGGANTI2 BETA sebagai yang berikut di-sini :—

Gelaran dan
permulaan.

1. Pemashhuran ini boleh di-gelar sebagai Pemashhuran Perlembagaan (Pindaan), 1963, dan akan berjalan kuat-kuasa-nya pada tarikh yang ditetapkan oleh Sultan dengan Kenyataan di-dalam *Warta Kerajaan*.

^{Pindaan}
apada bab 2. 2. (1) Bab 2 dari Perlembagaan ada-lah di-pinda dengan mengikut sharat2 yang berikut bagi bab ini.

(2) (a) dengan membatalkan perkataan2 dan tanda koma “Persatuan Africa Selatan” daripada tafsiran “Negeri Commonwealth” dan memasukkan di-situ di-antara tanda koma yang tertera salepas sahaja daripada perkataan “Melayu” dan sabelum sahaja perkataan2 “Negeri Singapura” sebagai yang berikut :—

“Nigeria, Cyprus, Sierra Leone, Tanganyika, Jamaica, Trinidad dan Tobago, Uganda,”;

(b) memasukkan tafsiran baharu sebagai berikut salepas sahaja tafsiran “hu-tang”:—

“Timbalan Menteri Besar” berma’ana pegawai yang di-lantek di-bawah cheraian (3A) dari bab 4;”;

- (c) batalkan tafsiran “Majlis Mashuarat Daerah”;
- (b) bagi tafsiran “Penasihta Ugama” gantikan tafsiran baharu saperti yang berikut :—
“Penasihat Ugama” berma’ana sa-orang yang di-lantek oleh Sultan memegang jawatan itu;”.

Pindaan kapada bab 4. 3.

- Bab 4 dari Perlembagaan ada-lah di-pinda :
- (a) dengan menambah cheraian baharu saperti yang berikut salepas sahaja cherai-an (3) yang ada di-situ :—
“(3A). Maka hendak-lah di-adakan sa-orang Timbalan Mentri Besar siapa yang akan membantu Mentri Besar dalam menjalankan kuasa2-nya dan bagi menjalankan tugas2-nya dan, dengan arahan daripada Mentri Besar, beliau akan menjalankan kuasa2 dan tugas2 Mentri Besar.”
 - (b) dengan menambah perkataan2 “atau Timbalan Mentri Besar” salepas sahaja perkataan “Mentri Besar” yang tertera di-cheraian (5);
 - (c) dengan menambah cheraian baharu saperti yang berikut salepas sahaja cherai-an (5) di-situ :—
“(5A). Maka tidak sesiapa pun boleh di-lantek menjadi Mentri Besar atau Timbalan Mentri Besar kechualи beliau itu ia-lah sa-orang Ra’ayat Sultan.”;
 - (d) dengan memasukkan tanda koma dan perkataan2 “Timbalan Mentri Besar” salepas sahaja perkataan2 “Mentri Besar” di-cheraian (6).

Pindaan kapada bab 5. 4. Bab 5 dari Perlembagaan ada-lah di-pinda dengan membatalkan perenggan (b) bagi cheraian (2) di-situ dan menggantikannya dengan perenggan baharu saperti yang berikut :—

“(b) enam orang Ahli Rasmi Kerana Jawatan (*ex-officio*), ia-itu Wazir2, Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Penasihat Ugama dan orang yang memegang jawatan lain yang dari semasa ka-semasa di-ishtihar-kan oleh Sultan dengan Pemashhuran dalam *Warta Keraja-an*;”.

Bab 11 yang
baharu.

5. Bab 11 dari Perlembagaan ada-lah di-batal-kan dan di-gantikan dengan bab baharu saperti yang berikut :—

“11. (1) Majlis Mashuarat Kerajaan ada-lah di-pengerusi oleh Sultan dan, terta’alok kapada bab 13, ada-lah mengandungi :—

- (a) enam orang Ahli Rasmi Kerana Jawatan (*ex-officio*) ia-itu Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Setia Usaha Kerajaan, Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negara dan Penasihat Ugama;
- (b) Pesuroh Jaya Tinggi; dan
- (c) empat orang Ahli Yang Tidak Rasmi yang semua-nya hendak-lah orang2 yang menjadi Ahli Majlis Mashuarat Negeri.

(2) Ahli2 Yang Tidak Rasmi bagi Majlis Mashuarat Kerajaan hendak-lah di-lantek oleh Sultan dengan Surat Perentah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan.

(3) Bagi maksud2 cheraihan (1), (5) dan (6) bagi bab 12, Pesuroh Jaya Tinggi ada-lah di-anggapkan sebagai Ahli Rasmi Kerana Jawatan (*ex-officio*) bagi Majlis Mashuarat Kerajaan.

(4) Manakala Jema’ah Pemangku Raja telah di-lantek, tiap2 Pemangku Raja akan menjadi Ahli Majlis Mashuarat Kerajaan.”

Pindaan kapada bab 12. 6. Bab 12 dari Perlembagaan ada-lah di-pinda dengan membatalkan perenggan (c) bagi cheraian (2) di-situ dan menggantikan-nya dengan perenggan baharu saperti yang berikut :—

“(c) jika beliau berhenti daripada menjadi Ahli Majlis Mashuarat Negeri; atau”

Pindaan kapada bab 13. 7. Bab 13 dari Perlembagaan ada-lah di-pinda :—

(a) dengan membatalkan perenggan (b) bagi cheraian (2); dan

(b) dengan membatalkan perenggan (c) bagi cheraian (2) dan menggantikan-nya di-situ dengan perenggan (b) yang baharu saperti yang berikut —

“(b) jika kursi Ahli Yang Tidak Rasmi telah di-kosongkan, hendak-lah sa-orang Ahli Yang Tidak Rasmi bagi Majlis Mashuarat Negeri.”

Pindaan kapada bab 16. 8. Bab 16 dari Perlembagaan ada-lah di-pinda dengan membatalkan cheraian (1) di-situ dan menggantikan-nya dengan cheraian baharu saperti yang berikut :—

“(1) Majlis Mashuarat Kerajaan tidak-lah boleh di-panggil bermashuarat kechuali dengan titah Sultan, atau, jika Jema’ah Pemangku Raja telah di-lantek, dengan perentah Pemangku Raja laki2 yang kanan.”.

Pindaan kapada bab 17. 9. Bab 17 dari Perlembagaan ada-lah di-pinda dengan membatalkan perenggan (b) di-situ dan menggantikan-nya dengan perenggan baharu saperti yang berikut :—

“(b) jika tiada Jema’ah Pemangku Raja di-lantek, Ahli Majlis Mashuarat Kerajaan yang di-lantek oleh Sultan;”.

~~ab 24
ang baharu.~~ 10. Bab 24 dari Perlembagaan ada-lah di-batalkan dan di-gantikan dengan bab baharu saperti yang berikut :—

“24. Majlis Mashuarat Negeri ada-lah mengandungi enam orang Ahli Rasmi Keraja Jawatan (*ex-officio*), sepuloh orang Ahli Rasmi dan sembilan-belas orang Ahli Yang Tidak Rasmi.”.

~~ab 25
ang baharu.~~ 11. Bab 25 dari Perlembagaan ada-lah di-batalkan dan di-gantikan dengan bab baharu saperti yang berikut :—

“25. Ahli2 Rasmi Kerana Jawatan (*ex-officio*) bagi Majlis Mashuarat Negeri ia-lah Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Setia Usaha Kerajaan, Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negara dan Penasihat Ugama.”.

~~embatalan
ab 27.~~ 12. Bab 27 dari Perlembagaan ada-lah di-batalkan.

~~indaan
ipada bab 28.~~ 13. Bab 28 dari Perlembagaan ada-lah di-pinda saperti berikut :—

- (a) dengan membatalkan tanda2 kandungan dan angka “(1)” yang tertera selepas angka2 “28”;
- (b) dengan menggantikan perkataan2 “Yang Tidak Rasmi” di-tempat perkataan2 “Yang Di-lantek”; dan
- (c) dengan membatalkan cheraian (2).

~~ndaan
pada bab 29.~~ 14. Bab 29 dari Perlembagaan ada-lah di-pinda :—

- (a) dengan membatalkan cheraian (1) di-situ dan menggantikan dengan :—

“(1) Terta’alok kapada bab 30, saorang yang selain daripada Pemangku Raja yang menjadi ra’ayat Sultan dan telah berusia 21 tahun, atau pun sa-orang ra’ayat British yang telah tinggal di-Brunei selama dua tahun

dari tempoh tiga tahun yang sabelumnya, boleh di-lantek menjadi Ahli Rasmi bagi Majlis Mashuarat Negeri.”.

- (b) dengan membatalkan cheraian (2) dan menggantikan-nya dengan perenggan baharu saperti yang berikut :—

“(2) Bagi maksud2 bab ini, ayat “ra’-ayat Sultan” itu ada-lah mempunyai ma’ana yang sama saperti yang di-beri kepada-nya oleh Undang2 Taraf Ke-bangsaan yang pada masa ini sedang berjalan-kuasa-nya.”.

Pindaan kapada bab 30. 15. Bab 30 dari Perlembagaan ada-lah dipinda :—

- (a) dengan membatalkan perenggan pertama cheraian (1) di-situ dan menggantikan-nya dengan cheraian baharu saperti yang berikut :—

“Tidak-lah sa-saorang pun boleh dilantek sebagai Ahli Rasmi atau pun Ahli Yang Tidak Rasmi bagi Majlis Mashuarat Negeri, atau sa-telah dilantek tidak-lah boleh menduduki kursi-nya atau mengundi di-dalam Majlis, jika —”

- (b) dengan memasukkan perkataan “atau” salepas sahaja tanda koma bertitik yang tertera di-hujong perenggan (d);
 (c) dengan menggantikan tnada noktah pada tempat tanda koma bertitik yang tertera di-hujong sharat bagi perenggan (e);
 (d) dengan membatalkan perenggan2 (f) dan (g);
 (e) dengan membatalkan cheraian (2).

Pindaan kapada bab 31. 16. Bab 31 dari Perlembagaan ada-lah dipinda :—

- (a) dengan menggantikan perkataan2 “Yang Tidak Rasmi” di-tempat per-

- kataan2 “Yang Di-lantek” apabila di-dapati;
- (b) dengan membatalkan tanda koma dan perkataan2 “Yang Di-pileh” di-barisan pertama bagi cheraian (2) dan perkataan2 “yang di-pileh atau” di-barisan empat di-situ;
 - (c) dengan membatalkan tanda koma dan perkataan2 “Yang Di-pileh” yang tertera di-barisan pertama bagi cheraian (3);
 - (d) dengan membatalkan perenggan (e) bagi cheraian (3) dan memberi angka yang baharu kapada perenggan2 (f) dan (g) dengan (c) dan (f) di-tempat masing2-nya;
 - (e) dengan membatalkan perkataan2 “atau Ahli Yang Di-pileh” yang tertera di-barisan tiga dan empat bagi cheraian (6); dan
 - (f) dengan membatalkan perkataan2 “atau di-pileh” yang tertera di-cheraian (8).

nndaan pada bab 32. 17. Bab 32 dari Perlembagaan ada-lah dipinda :—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Yang Tidak Rasmi” bagi perkataan “Yang Di-lantek”; dan
- (b) dengan membatalkan tanda2 kandungan dan angka “(1)” yang tertera selepas angka2 “32” dan membatalkan cheraian2 (2) dan (3).

nndaan pada bab 33. 18. Bab 33 dari Perlembagaan ada-lah dipinda :—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Yang Tidak Rasmi” di-tempat perkataan2 “Yang Di-lantek” apabila di-dapati; dan

(b) dengan membatalkan perkataan2 “atau Ahli Yang Di-pileh” yang tertera di-perenggan (f) bagi cheraian (1).

**Pindaan
kapada bab 35**

19. Bab 35 dari Perlembagaan ada-lah di-pinda dengan membatalkan tanda2 kandongan dan angka “(1)” yang tertera selepas angka2 “35” dan menggantikan perkataan2 “Yang Tidak Rasmi” di-tempat perkataan “Yang Di-lantek” dan membatalkan cheraian (2) di-situ.

**Bab 36
yang baharu.**

20. Bab 36 dari Perlembagaan ada-lah di-batalkan dan di-gantikan dengan bab baharu saperti yang berikut :—

“36. (1) Maka ahli2 Majlis Mashuarat Negeri akan mempunyai ketinggian pangkat dan keutamaan di-dalam Majlis Mashuarat itu saperti yang berikut :—

pertama, Ahli2 Rasmi Kerana Jawatan (*ex-officio*) menurut tarikh tertib susunan yang tersebut di-dalam bab 25,

kedua, Ahli2 Rasmi dan Ahli2 Yang Tidak Rasmi menurut tarikh Surat2 Perentah dengan mana mereka masing2-nya di-lantek, atau jika sama hari-nya menurut mana2 susunan yang di-tetapkan oleh Sultan, dan

ketiga, Ahli2 sementara menurut susunan yang di-tetapkan oleh Sultan.

(2) Apabila sa-saorang itu di-lantek semula menjadi Ahli Majlis Mashuarat Negeri bagi memenohi kekosongan yang disebabkan oleh tammat tempoh jawatan-nya sendiri, masa di-antara ketammatan dan lantekan semula itu akan, bagi maksud bab ini, tidak di-kira bagi menghetong lama-nya orang tersebut itu menjadi Ahli Majlis Mashuarat.”

indaan
apada bab 49. 21. Bab 49 dari Perlembagaan ada-lah di-pinda dengan membatalkan perkataan2 dan tanda koma “kechuali Ahli Yang Di-pileh,” yang tertera di-barisan2 pertama dan kedua bagi sharat di-situ.

indaan
apada bab 80. 22. Bab 80 dari Perlembagaan ada-lah di-pinda :—

- (a) dengan menggantikan tanda noktah di-tempat tanda koma bertitik yang tertera di-hujong perenggan (h) bagi cheraian (1); dan dengan membatalkan perenggan (i) dan (j) bagi cherai-an (1).

enetapan. Amin-Amin. Demikian-lah Pemashhuran Perlembagaan (Pindaan), 1963.

Barang di-Rahmati Allah Subhanahu Wa Ta'-ala Melikul Muluk dan di-berkati Nabi Mohammed Sallal-lahu Alaihi Wassalam akan Pemahhuran ini selama-lama-nya. Amin Ya Rabbul 'Alamin !

Di-perbuat di-Istana Darul Hana Brunei, Darul-Salam, pada 19 haribulan Zulhijjah, Hijrah Nabi Muhammad صلی اللہ علیہ وسلم (Salallahu Alaihi Wa-Sallam) sa-ribu tiga ratus delapan-puloh tiga, bersamaan dengan hitongan Masehi 13 haribulan May sa-ribu sembilan ratus enam puloh tiga, ia-itu tahun ketiga belas Beta di atas Takhta Kerajaan Brunei.

Pada menyaksikan pembuatan Pemashhuran ini, dengan nasihat Majlis Mashuarat Di-Raja dan di-persetujui oleh Majlis Mashuarat yang telah di-tubohkan oleh Perentah yang di-perbuat pada 19 haribulan December, 1962, dalam menjalankan kuasa2 yang di-beri oleh cheraian (3) bab 83 dari Perlembagaan, maka ahli2 yang kanan bagi Majlis Mahsuarat Di-Raja dan Juru Tulis Majlis Mashuarat yang tersebut ada-lah dengan ini menurunkan tanda2 tangan masing2 :

1. P. M. HASHIM
*Wazir dan Ahli Majlis Mashuarat
Di-Raja Duli Pengiran Bendahara Sri Maharaja Permai Suara*

*Dato' Paduka Muda Hashim ibni
Pengiran Anak Abdul Rahman,
D.P.M.B., P.O.A.S.*

2. P. A. HAJI MOHD. ALAM
*Wazir dan Ahli Majlis Mashuarat
Di-Raja Duli Pengiran Peman-
cha Sahibul Raya Walmashuarat
Dato' Paduka Muda Haji Moha-
med Alam ibni Pengiran Anak
Abdul Rahman, D.K., D.S.N.B.,
D.P.M.B., P.O.A.S.*
3. PENGIRAN HAJI ABDUL RAHMAN
BIN PENGIRAN HAJI ABDUL RAHIM
Juru Tulis Majlis Mashuarat.